



***Siaran Akhbar ini Diembargo hingga***

*4.00 petang, 14 Julai 2017*

## **BULAN BAHASA - MENJEJAK ASAL USUL KITA**

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) akan meraikan Bulan Bahasa dari 15 Ogos 2017 hingga 15 Oktober 2017. Tahun ini, Majlis Pelancaran Bulan Bahasa akan diadakan di Kampong Gelam, tempat yang amat bermakna bagi masyarakat Melayu di Singapura.

Sebagai hab yang kaya dengan sejarahnya, Istana Kampong Gelam yang terletak dalam kawasan pemuliharaan yang sedang berkembang pesat ini menjadi lambang keberadaan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Selain aktiviti perdagangan, Kampong Gelam pernah menjadi pusat penerbitan, terutama dalam pendidikan dan sastera Melayu.

Tahun ini, Bulan Bahasa akan memperdalam lagi tema Ilmu, Budaya dan Mesra, dalam usaha untuk melestarikan penggunaan bahasa Melayu. Kembalinya acara tahun ini di kawasan Kampong Gelam juga menandakan pentingnya hubungan nilai-nilai kemasyarakatan dan warisan Melayu.

Menurut Puan Rahayu Mahzam, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2017, “Legasi ini, kisah-kisah dan nilai-nilai hanya akan mampu bertahan jika kita terus berusaha untuk melestarikan bahasa Melayu. Penguasaan bahasa akan membantu kita memperkaya lagi pemahaman kita tentang jati diri Melayu yang sebenar. Hal ini penting untuk memupuk sifat cinta akan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda agar masyarakat kita akan sentiasa bersatu untuk lebih berkembang.”

Dalam sidang media Bulan Bahasa yang diadakan, Puan Rahayu juga telah memperkenalkan gambaran visual dan kreatif tahun ini. Corak kontemporari yang diperkenalkan, memaparkan tipografi asli yang diilhamkan daripada seni tenun tekstil tradisional serta palet warna yang diinspirasikan daripada lukisan batik. Elemen-elemen tersebut digabungkan untuk melambangkan masyarakat yang bersatu melalui penggunaan bahasa Melayu. Apabila yang lama digabungkan dengan yang baharu, masyarakat akan kekal sebagai sebuah rangkaian yang kuat, sentiasa berhubung dan berkembang dari zaman ke zaman. Pada masa yang sama, berpegang pada keindahan budaya Melayu dan tradisi abadi untuk mengekalkan aspek-aspek yang sangat bernilai, iaitu aspek Ilmu, Budaya dan Mesra.



## **Pesta Pelancaran Di Taman Warisan Melayu**

Pada Sabtu, 9 September 2017, Bulan Bahasa akan diraikan sepanjang hari di perkarangan Taman Warisan Melayu, dengan pelbagai program dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bahasa, budaya dan warisan Melayu yang dipersembahkan oleh rakan-rakan kongsi serta sekolah-sekolah.

Pengunjung galeri tetap Taman Warisan Melayu yang terletak di dalam Istana Kampong Gelam akan melalui sejarah Kampong Gelam yang dihidupkan kembali melalui penceritaan oleh Rakan Bahasa.

Dengarkanlah kisah-kisah mereka mengenai bandar pelabuhan dan perdagangannya, serta selami cerita-cerita masyarakat yang hidup di dalam kawasan yang pernah menjadi hab pelancongan dan perhimpunan kebudayaan. Pengunjung juga akan dibawa merentasi dunia Melayu serta artifak-artifak berharga dalam warisan dan budaya.

Ikuti **Nek Selampit** dalam sebuah program yang dipenuhi permainan, muzik serta kisah-kisah yang menarik! Dengarkan pencerita dan Duta Bahasa yang baru dilantik, **Jumaini Ariff**, dalam kisah-kisah lagenda dan dongeng melalui cara penyampaiannya yang meriah dan interaktif diiringi persembahan gamelan. Penonton juga boleh mendekati dan beramah mesra dengan pemain-pemain gamelan selepas persembahan tersebut.

Di halaman luar, terdapat **Gotong Royong**, sebuah sesi melukis batik yang dikendalikan oleh **Hazworkz Design** untuk pengunjung-pengunjung Taman Warisan Melayu. Setiap seni lukis batik akan mengetengahkan pantun, puisi, dan syair dalam bentuk seni kaligrafi Jawi. Penerangan tentang seni batik dan teknik-teknik juga akan dikongsikan dalam bahasa Melayu dengan peserta-peserta.

Bagi penggemar-penggemar teater, ikuti **TEATRO** bagi pementasan **Hikayat Malim Dewa**, sebuah cerita dongeng klasik berdasarkan kisah Malim Dewa, seorang anak muda yang bijak dan mengagumkan yang pernah memerintah Bandar Muar termasuk anak kepada Tuan Puteri Lindungan Bulan.

Untuk pencinta makanan, **Restoran Mamanda** mempersembahkan **Jejak Warisan Makanan**, sebuah pameran yang mengetengahkan masakan tradisional Melayu. Teroka bahan-bahan,



hidangan, perkakas dan cara-cara yang digunakan dalam menyiapkan makanan Melayu. Juga memahami kepentingan dan makna-makna disebalik makan serta makan bersama dalam budaya Melayu.

Pengunjung dan peserta juga boleh mencabar ilmu pengetahuan dalam bahasa, budaya dan warisan Melayu dengan menurut serta dalam permainan-permainan di gerai yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah dari **Sekolah Rendah Admiralty**, **Sekolah Menengah Orchid Park** dan **Sekolah Menengah Yusof Ishak**.

### **Duta Bahasa 2017**

Duta Bahasa dilantik oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura, sebagai suri teladan. Tahun ini, tiga duta telah dipilih berdasarkan penguasaan dan semangat kecintaan mereka terhadap Bahasa Melayu.

1. Puan Jumaini Ariff – Pengasas, Penulis & Pencerita, *Storyscribblers*
2. Ustaz Muhammad Zahid Bin Mohd Zin – CEO, Forum Belia Islam
3. Dzar Bin Ismail – Penyampai radio, Mediacorp, RIA987FM

### **Sokongan Aktiviti-Aktiviti Semarak dan Acara Bulan Bahasa Di Kawasan Perumahan**

Bulan Bahasa akan terus diraikan di kawasan-kawasan perumahan tahun ini, dengan sokongan yang tidak berbelah bagi daripada Tampines, Jurong, Choa Chu Kang, Nee Soon dan Sembawang.

Tambahan lagi, Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAECs) dan rakan kongsi akan menganjurkan aktiviti-aktiviti semarak serata Singapura, untuk meraikan bahasa, budaya dan warisan Melayu.

Program-program ini hanya mampu dijayakan dengan rasa minat dan semangat masyarakat terhadap Bahasa Melayu, yang tampil untuk berkongsi kemahiran dan pengalaman masing-masing untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu.



## **Tentang Bulan Bahasa**

**Bulan Bahasa** pertama kali dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura pada tahun 1988 sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian mereka. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2011, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk menggalakkan masyarakat menyertai kegiatan-kegiatan bahasa Melayu.

Sila lungsur [mbms.sg](http://mbms.sg) dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa) untuk maklumat lanjut tentang Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Bulan Bahasa.



## Annex 1

### ***Duta Bahasa 2017***



**Puan Jumaini Ariff** merupakan penulis buku kanak-kanak yang telah berjaya menjual sebanyak 12,000 naskah buku bergambar di Singapura serta merata Asia. Beliau merupakan seorang pencerita yang dikenali dalam bidang kesusasteraan Singapura. Watak-watak unik yang dibawakannya seperti '*Aunty Ju*' dan '*Nek Selampit*' telah melibatkannya dalam pelbagai kempen-kempen nasional sejak 2014.

Beliau menubuhkan '*STORYSCRIBBLERS*' pada tahun 2015, iaitu sebuah syarikat kesusasteraan yang menghasilkan program-program bahasa yang menarik dan berkualiti tinggi berdasarkan buku-buku yang ditulisnya. Kepercayaannya yang kukuh terhadap pembangunan profesional telah mencetuskan semangatnya untuk mengadakan bengkel-bengkel kemahiran bercerita bagi pendidik yang diiktiraf oleh Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (ECDA) dan SkillsFuture Singapura.

Puan Jumaini merupakan bekas pendidik prasekolah dan pegawai keperluan khas, serta pemegang ijazah diploma dalam tiga bidang yang berbeza iaitu Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pengajian Autisme dan Pendidikan Khas. Kini, beliau sedang melanjutkan pengajian sarjana muda dalam Bahasa Melayu dan Kesusasteraan serta diploma pakar dalam Pendidikan Seni.



Sebagai Duta Bahasa, Puan Jumaini ingin berkongsi rasa cintanya terhadap Bahasa Melayu bersama golongan kanak-kanak dan remaja. Harapannya adalah untuk memperkayakan penghargaan mereka terhadap bahasa sambil mencetuskan imaginasi-imaginasi mereka melalui keindahan dan ketegaran Bahasa Melayu yang digunakan dalam cerita-cerita dan produksinya.



## Annex 1

### ***Duta Bahasa 2017***



**Ustaz Muhammad Zahid Muhammad Zin** merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi Forum Belia Islam (MYF). Sebelum ini, beliau bertugas sebagai Imam Eksekutif di Masjid Muhajirin serta Ketua bagi Bapa Relief, iaitu sebahagian daripada Badan Kebajikan Agama dan Pelajaran Radin Mas.

Sebagai seorang penggemar bahasa, Ustaz Zahid memiliki minat yang mendalam terhadap bahasa Melayu, bahasa Arab serta bahasa Inggeris. Beliau pernah mewakili Madrasah Aljunied dalam BAHAS 4PM dan pernah berjaya merangkul juara dalam pertandingan tersebut. Sepanjang kerjayanya, beliau telah menyampaikan sebanyak 400 ceramah dalam bahasa Inggeris serta bahasa Melayu dan merupakan penceramah yang popular melalui rancangan-rancangannya yang turut disiarkan di radio serta televisyen. Ceramahnya diadakan setiap minggu dan pendekatannya yang candi sering menarik perhatian sejumlah penonton, mencecah seramai 500 orang setiap sesi ceramah.

Ustaz Zahid juga merupakan kadi di Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang-Orang Islam Singapura (ROMM) dan pengalamannya dalam bidang tersebut juga telah diinspirasi dan dikongsi bersama dalam drama “Kisah Tok Kadi” yang turut memenangi anugerah bagi program paling popular di saluran Mediacorp Suria bagi tahun 2016.



Anak kedua dalam keluarga seramai lima adik-beradik, Ustaz Zahid juga telah berumahtangga dan kini mempunyai dua orang cahaya mata. Bahan bacaan yang paling digemari beliau merupakan autobiografi dan beliau juga gemar menonton rancangan bersifat dokumentari serta filem-filem asing.

Sebagai Duta Bahasa, Ustaz Zahid ingin menggalakkan generasi muda untuk lebih menghargai nilai-nilai dan perwatakan Melayu, melalui penggunaan bahasa Melayu.





## Annex 1

### ***Duta Bahasa 2017***



**Dzar Bin Ismail** merupakan seorang penyampai radio di stesen Mediacorp RIA897FM. Program yang dikendalikannya, *Singamaxima* dan *Rembat Pendapat* yang kini berlangsung setiap hari pada jam 2 petang sehingga 6 petang, telah memenangi kategori Treler Terbaik di Anugerah Radio Singapura 2014. Dia juga pernah disenaraipendekkan sebagai calon untuk kategori Penyampai Baharu Terbaik di Anugerah Kesatuan Penyiaran Radio Asia Pasifik 2015.

Sebelum ini, Dzar pernah berkhidmat sebagai guru dan mempunyai penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu serta bahasa Inggeris. Beliau juga merupakan penyumbang aktif terhadap media digital di Mediacorp dan dikenali atas kemampuannya untuk mengumpul perhatian-perhatian dan maklum balas yang memberangsangkan bagi kempen-kempen radio secara dalam talian.

Beliau juga merupakan penulis skrip yang aktif dan kini sedang dalam proses penulisan episod 3 dan 6, bagi siri kedua drama “Kisah Tok Kadi” yang diterbitkan oleh Thinkplate Pte Ltd.

Sebagai Duta Bahasa, Dzar ingin menekankan kepada pendengar-pendengar remaja serta anak-anak muda, tentang kepentingan dan peluang-peluang yang mampu diraih melalui penguasaan bahasa Melayu. Bersama populariti dan pengikut-pengikutnya yang ramai, beliau juga ingin menggunakan kuasa media sosial untuk mempromosikan kempen ini serta menggalakkan penghargaan terhadap Bahasa Melayu.



## Annex 2

### Gambar-Gambar program yang akan diadakan ketika majlis pelancaran Bulan Bahasa 2017

*Juara Si Cilik*



*Rakan Bahasa – pemandu muzium*



*Lagenda dan Dongeng oleh Nek Selampit  
Diiringi Persembahan Gamelan*



*Silatku – Sejarah Dan Warisan Bangsaku*





## **Annex 3**

### **Tema Bulan Bahasa 2017**

#### **Ilmu, Budaya, Mesra**

Bulan Bahasa mengajak kita menggunakan Bahasa Melayu untuk tujuan meraih dan menyampaikan ilmu, memasyarakatkan budaya serta mengukuhkan jalinan yang mesra sesama kita.

#### **Bahasa sebagai Ilmu**

Bahasa kita hidup apabila kita gunakan untuk pelbagai keperluan mencari ilmu. Sama ada digunakan oleh para sarjana untuk membina bahasa Melayu, untuk menimba dan mendalami pengetahuan agama ataupun untuk mencari makna kata dalam kehidupan harian, bahasa Melayu akan terus digunakan untuk mencari dan menambahkan ilmu masyarakat kita.

#### **Bahasa sebagai Budaya**

Adab murni dan budaya seni lebih bermakna apabila disampaikan dalam lenggok dan nuansa bahasa Melayu yang jitu untuk menyampaikan hati nurani orang Melayu. Dengan bahasa Melayulah kita mengenal elok budi dan budaya leluhur masyarakat kita.

#### **Bahasa sebagai membina Kemesraan**

Bahasa Melayu menjalin kemesraan dalam kalangan penuturnya. Tidak kira sama ada diselangi pantun dan puisi dalam majlis penuh takzim ataupun bersantai dengan keluarga dan sahabat handai di tepi pantai, bahasa Melayu menjadikan suasana bersama lebih akrab sekali.

Bahasa 'Ilmu, Budaya, Mesra' memperlihatkan pentingnya bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat. Apabila kita menggunakan bahasa, ilmu dan budaya kita terpelihara dan kemesraan terjalin ketara. Dengan terlestarnya bahasa, dapatlah kita mewariskannya kepada generasi sesudah kita.